

18 DEC 1997

Mahathir-Ekonomi

KETEPIKAN KEPENTINGAN JANGKA PENDEK UNTUK PULIHKAN EKONOMI NEGARA

KUALA LUMPUR, 18 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini sekali lagi menasihatkan golongan peniaga dan pengusaha supaya berdisiplin dan mengetepikan kepentingan jangka pendek bagi mengatasi masalah ekonomi negara sekarang.

Menurut Perdana Menteri sukar bagi ekonomi negara untuk pulih selagi peniaga dan pengusaha meneruskan "amalan-amalan buruk" seperti mengejar keuntungan segera.

"Sikap yang terpenting ialah kesetiaan kepada negara dan keyakinan kepada mata wangnya. Jika peniaga dan pengusaha mengamalkan kepentingan diri dan kurang yakin kepada Ringgit serta mengambil tindakan yang mencerminkan kurang keyakinan ini, maka nilai Ringgit akan terus jatuh.

"Demikian juga dengan saham, mereka yang menjual saham apabila sahaja harga saham meningkat sedikit kerana mengejar keuntungan tetap akan menyebabkan pasaran saham terus lembap dan menurun," katanya pada majlis makan malam Dewan Perniagaan dan Perindustrian Kebangsaan di sebuah hotel di sini.

Dr Mahathir berkata kerajaan amat sedih melihat berlakunya pengambilan untung apabila sahaja saham naik harga selepas ia mengisytiharkan tindakan-tindakan tertentu yang melibatkan banyak pengorbanan oleh kakitangan kerajaan.

"Sepatutnya peniaga berkorban bersama. Tetapi mereka telah menjual saham yang naik harga untuk mendapat keuntungan," katanya yang jelas merujuk kepada pemotongan gaji dan pembekuan kenaikan gaji tahunan kakitangan kerajaan sebagai contoh pengorbanan yang beliau maksudkan.

"Selagi peniaga dan pengusaha meneruskan amalan-amalan buruk ini, selama itulah kita tidak akan dapat memulihkan keadaan. Selain itu, amat penting sekali kita tidak boros dengan membayar gaji yang bukan-bukan kepada diri sendiri dan kakitangan eksekutif yang lain. Gaji, upah dan ganjaran-ganjaran lain di pihak swasta hendaklah diturunkan sama seperti kerajaan," katanya.

Dr Mahathir juga menegaskan bahawa walaupun Majlis Tindakan Ekonomi Negara (NEAC) mempunyai banyak cara untuk memperbaiki dan memulih ekonomi negara "segalanya bergantung kepada kesetiaan dan disiplin rakyat".

NEAC yang dicadang ditubuhkan bulan ini, merupakan sebuah badan yang dipengerusikan beliau bagi memberi nasihat kepada kerajaan mengenai perkara berkaitan ekonomi negara.

Beliau berharap dewan perniagaan itu akan memainkan peranan secara serius dan berkesan bagi memulihkan ekonomi negara. -- BERNAMA

RA RON